

Penggunaan TRE (Terapi Rasional Emotif) dalam pendidikan kedewasaan terhadap konsep ‘site-specific theatre’ : kajian kes Teater PPM (Perempuan Politikus Melayu).

Oleh : Dr.Rosdeen Suboh

Pusat Kebudayaan Universiti Malaya
kudin@um.edu.my

a. Pengenalan

Kajian melihat bagaimana sebuah teater yang menggunakan konsep *Site Specific Theatre* boleh bertindak sebagai sebuah terapi rasional emotif (TRE) dengan meneliti sebuah persembahan teater berjudul Perempuan Politikus Melayu (PPM). Oleh yang demikian perkara penting yang perlu diketahui terlebih dahulu adalah apa itu TRE, dan konsep PPM.

Secara umum Terapi Rasional Emotif (TRE) boleh dinyatakan sebagai sebuah aliran baru dari Psikoterapi Humanistik yang memiliki dua unsur utama iaitu (1) filsafat eksistensialisme seperti teori Kierkegaard, Nietzsche, Buber, Heidegger, Jaspers dan Marleu Ponty. (2) Psikologi dalam bentuk eksistensialisme terapan. TRE mula berkembang di Amerika pada tahun 1960an oleh Alberl Ellis, seorang Doktor, Ahli Psikologi Terapeutik, eksistensialis dan pengamal teori Neo Freudian. Teori TRE telah dapat diterima sejak dari itu kerana sistem praktik psikoanalisis (Frued) yang didapati mempunyai banyak kelemahan-kelemahan secara teori (Ellis, 1974). TRE juga boleh dikatakan dari hasil perkembangan sintaksis baru Ellis terhadap teori terapi kelakuan klasik (Classic Behaviour Therapy), teori pengukuhan Skinner (Skinnerian Reinforcement) dan teori penghapusan sistem sistematik Wolpe (Wolpein Systematic Desensitization). Awalnya teori TRE ini dikenali sebagai Terapi kelakuan Kognitif (Cognitive Behavior Therapy) atau terapi komprehensif, kemudian dikembangkan oleh Ellis kepada pendekatan yang boleh digunakan pada praktik konseling individual dan kelompok. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Ellis ini menjadi popular dengan penghasilan bukunya "*Reason an Emotion in Psychotherapy*" pada tahun 1962. Walaubagaimanapun, formasi awal terapi ini hanya menekankan pada terapi rasional iaitu unsur kognitif. Kemudian ia telah diperluaskan oleh Ellis dengan memasukkan unsur perilaku dan selanjutnya sehingga sekarang ia dikenali sebagai *Rational Emotive Behavior Therapy*.

Teater Perempuan Politikus Melayu (PPM) adalah persembahan teater yang dikategorikan sebagai *Site Specific Theatre* iaitu himpunan pelbagai konsep teater yang direka dan mengadaptasi persembahkan tersebut di sesebuah lokasi tertentu selain dari panggung teater yang khas. Semasa persembahan, area penonton dan pelakon adalah bebas mengikut konsep-konsep yang dihimpunkan yang juga secara bebas. Terdapat banyak himpunan konsep dalam kategori *Site Specific Theatre* yang diaplikasi dalam persembahan PPM. Ia adalah seperti *theatre of the oppressed, environmental theatre, forum theatre, theatre games, image theatre, invisible theatre, newspaper theatre, analytical theatre, photo romance, promenade theatre, dummies theatre, direct action, dan improvisation*. Konsep yang paling banyak digunakan dalam persembahan PPM adalah improvisasi dan beraksi terus. Manakala konsep yang paling dominan adalah teater forum. Juga konsep yang ada disetiap babak adalah imej teater. Konsep *Site Specific Theatre* dalam PPM adalah bukan untuk tujuan spektakular teater dan secara sedar memilih tempat yang tidak konvensional sebagai ruang persembahan.

PPM dipentaskan di sebuah banglo tinggal yang dulunya didiami oleh kakitangan Universiti Malaya. Mempunyai keluasan halaman sekeliling banglo, 40 X 70 meter persegi di mana sekelilingnya mempunyai pintu masuk berpagar besi yang dikelilingi pagar dawai hijau. keluasan bangunan bunglo ini adalah 17 X 25 meter persegi (5 bilik tidur, 1 bilik utama 3

bilik sederhana, 1 bilik kecil, 3 bilik air, ruang tamu, dapur dan ruang makan). Bangunan banglo ini mempunyai dua tingkat dan terdapat dua bilik kecil tambahan di luar serta garaj tanpa pintu yang boleh memuatkan 2 buah kereta. Di halaman Bunglo terdapat beberapa pokok tua yang rimbun, ampai dan rumput hijau yang tebal. Kedudukan Bunglo adalah dicerun bukit yang mempunyai jalan masuk berturap hingga ke bahagian garaj belakang. Walaubagaimanapun bangle ini masih mempunyai bekalan air dan elektrik. Setiap tingkat dan lubang angin disekeliling bangunannya di lengkapkan dengan jaring halus berwarna hijau bagi menghalang nyamuk masuk. Keadaan rumah dari aspek warna cat, atap dan struktur batu pembuatannya masih utuh, menarik dan mengekalkan 100% struktur bangunan asal. Bangunan bunglo ini dibina pada sekitar tahun 1940 ketika pendudukan kolonial British.

b. Metodologi

Kaedah kajian ini secara umum adalah mencari apakah perkaitan antara proses TRE dan plot persembahan PPM yang bermula dari sebelum (latihan), semasa dan selepas persembahan. Kemudian menganalisis penggunaan teknik samada sama atau berbeza dan akhirnya melihat hasil dari proses atau plot persembahan tersebut. Oleh yang demikian, awal kajian ini perlu diketahui dahulu bentuk proses TRE dan cerita serta konsep PPM.

Cerita PPM merupakan adaptasi dari novel Perempuan Politik Melayu karya Faisal Tehrani yang berkisahan tentang konflik-konflik di dalam dunia politik. Antara konflik utama yang terdapat di dalam teater ini ialah konflik ahli politik, perampasan tanah, konflik keluarga, pembunuhan Jenny dan konflik sampingan lain seperti penduduk kampung Jentayu. Cerita bermula dengan watak Irfan merupakan seorang wartawan akhbar yang mahu menulis sebuah buku yang berkisaran tentang ahli-ahli politik yang korup dari segi kuasa, duit dan banyak memanipulasi masyarakat. Irfan meminta bantuan sahabat baiknya, Chai Yin untuk memujuk Jenny, seorang pelacur kelas atasan para politikus untuk menjadi model dan ilham kepada karyanya. Pada masa yang sama di sebuah kampung, kekacauan tercetus apabila hak milik tanah penduduk kampung dirampas secara paksa dan diberi pampasan yang tidak setimpal oleh syarikat milik Datuk Zuri, seorang ahli politik yang berpengaruh. Konflik tercetus apabila Jenny telah mati di bunuh oleh Datuk Zuri dan Chai Yin menghilangkan diri secara tiba-tiba.

Plot persembahan teater Perempuan Politik Melayu ini adalah mengikut konsep "The Journey Theater" dimana penonton boleh memilih sendiri adegan mana yang mahu ditonton oleh mereka dengan mengikut waktu dan tempat lokasi yang berbeza sewaktu persembahan. Penonton akan dikumpulkan disatu tempat dan dibawa dengan menggunakan bas ke lokasi persembahan iaitu sebuah Banglo yang menjadi panggung dan set persembahan. Penonton dapat merasai seperti berada di dalam suasana sebenar cerita kerana tiada ukuran jarak yang ditetapkan antara pelakon dan penonton. Selain itu terdapat beberapa adegan yang memerlukan penonton sendiri berlakon untuk adegan itu bermula sehingga tamat. Organisasi kreatif persembahan PPM adalah terdiri dari pengarah artistik iaitu Dr. Rosdeen Suboh dibantu oleh tiga orang pengarah persembahan. Pertamanya, Amar Asyraf yang aktif dalam dunia teater dan pelakon televisyen drama bersiri "Hingga Hujung Nyawa" yang disiarkan di TV3. Kedua adalah Mardiana Ismail, salah seorang yang bergiat aktif dalam bidang seni persembahan dan bekerja dengan ramai pengarah seni terkenal. Diantaranya Rosminah Mohd Tahir untuk Monolog "Kopi Pangku" Monodrama (2004), Namron di dalam teater Jangan Bunuh Sam (2003) dan Krishen Jit di dalam teater 7 Ten (2002). Pengarah yang ketiga ialah Megat Shahrizal, juga merupakan penggiat teater yang terkenal dan di antaranya aksinya ialah filem "Puteri Gunung Ledang", "P.Ramlee The Musical", filem "Hati Malaya" dan "Jarum Halus". Teater Perempuan Politik Melayu berlangsung selama tiga hari bermula dari tarikh 19 Disember sehingga 21 Disember 2014 jam 8.30 malam .

MASA (malam)	MEGAT SHARIZAL			MARDIANA ISMAIL			AMAR ASYRAF	
	Hotel Marrison	Kamar Beradu	Pejabat Datuk Zuri	Sangkar Menanti	Makmal Bedah	Ruang Bakti	Warong	Kampung Jentayu
MULA 8:30								
8:50	4	3		1	3	4	2	1
9:00		2		2	6	5	5	
9:10		1		1	3	7	3	
9:20	4	3		2	3	4	6	
9:30			5	1	6	7	5	
9:40		1		2	6	5		7
9:50		2		1	3	4		4
10:00	4			5	2	6	7	
FORUM 10:10								8

PETUNJUK:		
MEGAT SHARIZAL	MARDIANA ISMAIL	AMAR ASYRAF
1. Sentap	1. Rampas	1. Pancing Ulndi
2. Wong Rakus!	2. Chenon	2. Benda Sulit
3. Nafsu!	3. Terxxx	3. Nama Dia Jenny!
4. Masih Dara?	4. Irfan	4. Tiltan
5. Sangap	5. Skandal	5. Polis Sentri
	6. Sekongkol	6. Gosip
	7. Paus Putih	7. Guling
		8. Selamat Tinggal

Gambarajah : senarai pecahan cerita mengikut masa, tempat dan tajuk babak



Gambar : novel PPM karya Faisal Tehrani



Gambar : poster dan lokasi persembahan PPM

Antara konsep pengarahannya yang terdapat dalam persembahan PPM adalah *Theatre of the oppressed* - bentuk teater yang dibangunkan oleh masyarakat untuk membantu masyarakat yang tertindas dalam menyuarakan pendapat, cadangan dan tindakan sesuatu perkara atau isu. *Environmental theatre* - teater yang bersifat tiada ruang khas bagi penonton, iaitu cara penontoran adalah bebas dan tidak konvensional. Juga dipentaskan di ruang selain panggung yang telah dikhaskan oleh masyarakat. *Forum theatre* : teater yang bersifat mengajar kepada penonton terhadap sesuatu isu yang diutarakan, biasanya penonton akan ambil bahagian

memberi cadangan dan pendapat terhadap isu untuk mengubah dan cara bertindak. *Theatre games* : permainan teater yang mempunyai objektif tertentu seperti kerjasama kumpulan, kebebasan minda dan emosi dan kreativiti. *Image theatre* : teater yang memaparkan isu melalui simbol. Fizikal manusia merupakan alat utama bagi mempamerkan makna dan imej bagi membentuk simbol tertentu. Simbol yang dipaparkan diserahkan pada penonton agar menilai dan menginterpretasi. *Invisible theatre* : teater yang dibuat dengan cara menyembunyikan persembahan sebenar seperti menjadikan situasi seperti perkara yang benar-benar terjadi. Biasanya penonton akan turut serta tanpa disedari. *Newspaper theatre* : melakukan semula idea dari suratkhbar yang dibaca secara berdialog, lakonan dan tindakan. *Analytical theatre* : persembahan yang di buat untuk penonton menjadi pelakon sebagai watak-watak dalam masyarakat. Pelakon sebenar dan penonton akan bermain bersama bagi menyelesaikan isu atau permasalahan yang diutarakan. Biasanya pelakon akan membuat analisis bersama-sama dan kesimpulan terakhir dengan penonton. *Promenade theatre* – teater yang dipersembahkan diruang yang terbuka dengan watak masyarakat dan mengutarakan isu sosial dan masyarakat, *Dummies theatre* – persembahan yang dibuat di ruang yang terbuka dan lokasi yang tertentu yang sebenar dalam masyarakat. Watak adalah dari masyarakat dan mengutarakan masalah sebenar mengikut tempat yang dibuat.

Konsep TRE pula adalah tentang manusia dan perkara-perkara yang mempengaruhi pembentukan tingkahlakunya. Dasar konsep TRE adalah mempercayai bahawa manusia adalah mahluk unik yang memiliki kecenderungan untuk berpikir rasional dan irasional. Ketika berpikir dan bertingklaku rasional manusia akan efektif, bahagia, dan kompeten. Manakala ketika berpikir dan bertingklaku irasional pula, individu akan menjadi tidak efektif. Ini adalah disebabkan, reaksi emosional seseorang ini sebagian besarnya adalah disebabkan oleh evaluasi, interpretasi, dan filosofi yang disadari maupun tidak disadari. Ia merupakan akibat dari cara berpikir yang tidak logik dan irasional individu itu sendiri. Emosi yang menyertai individu dalam berpikir adalah dipercayai penuh dengan prasangka, sangat personal, dan irasional.

Dalam konsep TRE, Manusia yang berpikir irasional adalah dikatakan sebenarnya mempelajari sesuatu perkara secara tidak logik. Ini kerana biasanya ia diperoleh dari ibubapa dan budaya tempat dimana mereka dibesarkan. Berpikir secara irasional dapat dikesan dari kata-kata yang digunakan dalam kehidupan seseorang, kerana umumnya semua manusia percaya bahawa dalam kehidupan normal kata-kata yang tidak logik menunjukkan cara berpikir yang salah dan kata-kata yang tepat menunjukkan cara berpikir yang betul. Oleh itu perasaan dan fikiran negatif serta penolakan diri biasanya dilawan dengan cara berfikir yang rasional dan logik, yang dapat diterima menurut akal sehat, dengan menggunakan cara verbalisasi yang rasional. Dapat disimpulkan di sini bahawa TRE menitikberatkan perkara berfikir, menilai, memutuskan, menganalisis, dan bertindak. TRE sangat mengamalkan konsep didaktik dan direktif, serta banyak berurusan dengan dimensi-dimensi fikiran dan dimensi-dimensi perasaan.

Asas konsep TRE bermula dari kefahaman dimana kejadian manusia adalah dilahirkan dengan potensi, samada baik untuk berfikir rasional atau jujur dan berfikir irasional atau jahat. Justeru TRE percaya bahawa manusia memiliki kecenderungan untuk memelihara diri, berbahagia, berfikir, bercinta dan berbuat apa sahaja dan bertindakbalas dengan situasi persekitarannya. Ini kerana manusia normal sentiasa mencari pelbagai cara dalam kehidupan untuk kepentingan dirinya sendiri. Ini termasuklah tindakan berkomunikasi dengan apa perkara yang ada disekitarnya tak kira samada manusia, haiwan atau objek. Namun TRE percaya jika manusia tidak bertindak untuk dirinya, dia sebenarnya telah cenderung dengan melihat pola-pola tingkahlaku lama dan sentiasa mencari cara untuk sabotaj terhadap dirinya sendiri. Oleh yang demikian, TRE percaya bahawa manusia tidak ditakdirkan untuk menjadi korban pada keadaan awal ini dan menegaskan bahawa banyak sumber-sumber yang tak terhingga bagi menghargai potensi-potensi diri manusia dan seterusnya boleh mengubah ketentuan-ketentuan pribadi dan masyarakatnya. TRE juga percaya bahawa manusia

dilahirkan dengan kecenderungan untuk mendesak dan memenuhi keinginan-keinginan hidupnya. Jika tidak segera mencapai apa yang diinginkan atau dikehendakinya, manusia akan mempersalahkan dirinya ataupun orang lain (Ellis, 1973, m/s 175-176).

Sebagai kesimpulannya TRE dilihat dapat menunjukkan bahawa manusia berfikir, beremosi, dan bertindak secara dirangsang oleh persekitarannya. Jarang manusia bertindak secara tanpa dirangsang, Jarang manusia beremosi tanpa berfikir, sebab perasaan-perasaan biasanya dicetuskan oleh persepsi atas suatu situasi yang spesifik. Sebagaimana dinyatakan oleh Ellis “ketika mereka beremosi, mereka juga berfikir dan bertindak, ketika mereka bertindak, mereka juga berfikir dan beremosi, ketika mereka berfikir, mereka juga bertindak”. Oleh itu TRE boleh memahami tingkah laku manusia yang menolak diri dengan memahami bagaimana seseorang beremosi, berfikir, mempersepsi dan bertindak. Ini akan memperbaiki pola-pola yang difungsional. Manusia yang ideal menggunakan metod-metod seperti *perseptual-kognitif*, *emotif-evocatif* dan *behaviouristik-redukatif* (Ellis,1973, m/s 171). Selain untuk mengatasi kecenderungan-kecenderungan menolak diri sendiri, individu memiliki kesanggupan untuk berlawan dengan sistem-sistem nilainya sendiri dan menginduktrinasi diri dengan keyakinan-keyakinan, gagasan-gagasan tingkah laku, dan nilai-nilai yang berbeza. Akibatnya, individu akan bertingkah laku dengan berbeza dari cara mereka bertingkah laku dimasa lampau. Jika individu boleh berfikir dan bertindak hingga menjadikan dirinya berubah, maka individu tidak akan terperangkap dalam masa lampau yang pasif.

c. Dapatan dan Perbincangan

Jika dilihat dari kenyataan di atas konsep TRE adalah merujuk kepada realiti manusia dalam situasi sebenar, manakala PPM adalah cerita yang dipersembahkan menggunakan elemen teater dan juga menggunakan isu masyarakat dalam realiti sebenar. Konsep PPM telah menjadikan persembahannya lebih cenderung seperti situasi realiti yang sebenar dengan membuka sempadan antara pelakon dan penonton. Justeru Persamaan antara konsep *site specific theatre* PPM dan TRE boleh dilihat dari persamaan fungsi dan istilah yang digunakan di kedua-dua konsep. Persamaan ini telah di analisis untuk melihat hasilnya melalui kertas kaji selidik yang dilakukan terhadap penonton persembahan. Kaji selidik telah menunjukkan keberkesanan terapi yang berlaku kepada penonton ketika persembahan berlangsung dan selepas persembahan tamat.

Fungsi dalam TRE boleh dilihat pada tugas dan peranan kaunselor, klien atau pesakit yang mewakili diri manusia dalam sesebuah keluarga seterusnya masyarakat. Peranan dalam PPM pula adalah peranan pelakon, pengarah, pengurus dan penonton. Peranan seperti Kounselor, pesakit atau klien, adalah sama fungsinya dengan penonton. Keluarga dan masyarakat pula boleh disamakan dengan peranan pelakon dan penonton. Dalam konteks persamaan TRE dan PPM, saya berpendapat bahawa pelakon boleh menjadi pesakit bersama dengan penonton kerana ia juga adalah mewakili keluarga dan masyarakat. Terdapat banyak aksi dalam babak PPM dimana pelakon menjadi watak cerminan masyarakat dan membiarkan watak yang dibuat oleh penonton lebih dominan dan seterusnya merangsang pelakon membaiki kesalahannya sendiri. Contoh watak orang kampung yang tertindas dan hanya bersembang di warung dalam lokasi Warung babak gossip dan benda sulit. Dibawah adalah jadual persamaan teknik TRE dan PPM

Terapi Rasional Emotif	Site specific Theatre PPM
TRE menggunakan berbagai teknik yang bersifat kognitif, afektif, dan behavioral yang disesuaikan dengan keadaan klien.	Teknik yang digunakan dalam PPM boleh dinyatakan sebagai tanda yang dibuat oleh pelakon atau pengarah dan makna yang diperolehi oleh penonton

<p>1. Teknik-teknik Kognitif</p> <ol style="list-style-type: none"> a. <i>Disputing irrational beliefs</i> : mengajarkan klien cara mengatasi irasional sampai mampu mengatakan kata “harus” dalam dirinya. b. <i>Doing cognitive homework</i> : membuat daftar masalah, mencari keyakinan penuh, dan melawan keyakinan-keyakinan klien. c. <i>Changing one’s language</i> : mempelajari bagaimana menyatakan bahasa yang tepat agar tidak terjadi pemikiran dan perilaku yang disfungsi. d. <i>Psychoeducational methods</i> : Memperkenalkan klien dengan berbagai macam komponen pendidikan dan mengajar klien tentang hakikat permasalahan mereka dan bagaimana proses mengatasinya. <p>2. Teknik-Teknik Emotif (Afektif)</p> <ol style="list-style-type: none"> a. <i>Rational emotive imagery</i> : Klien didorong membayangkan kejadian atau kesulitan terburuk yang terjadi pada dirinya dan membayangkan dengan jelas kesulitan ini sedang terjadi dan membawa masalah ke dalam hidupnya. b. <i>Using humor</i> : Penggunaan humor dapat membantu mengurangi keyakinan-keyakinan irasional dan perilaku <i>self-defeating</i>. Humor bisa sangat berharga untuk membantu klien lebih santai dan tidak menganggap terlalu serius masalah hidup. c. <i>Role playing</i> : Konselor menunjukkan pada klien bahwa apa yang mereka katakan sendiri pada klien adalah untuk mengubah perasaan yang tidak sehat menjadi perasaan yang sehat d. <i>Shame-attacking exercises</i> : Latihan untuk membantu orang mengurangi perasaan malu dalam melakukan sesuatu. Latihan ini ditujukan untuk meningkatkan penerimaan diri dan tanggung jawab. e. <i>Use of force and vigor</i> : Penggunaan kekuatan dan energi untuk membantu klien berpindah dari berwawasan intelektual menjadi berwawasan emosional. <p>c. Teknik-teknik Behavioristik : Teknik konselor menggunakan prosedur behavioral standar, seperti prinsip pengurusan diri, desensitisasi sistematis, teknik relaksasi, dan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Afektif : perasaan yang timbul setelah kita mendengar dialog atau membaca tanda sesuatu semasa persembahan. 2. Denotatif dan Konseptual : makna sebenarnya bukan makna kiasan atau perumpamaan. 3. Deskriptif : makna yang ditunjukkan oleh lambang seperti aksi. 4. Ekstensi : makna yang mencakup semua ciri objek prop dan set atau konsep persembahan 5. Emotif : makna yang timbul akibat adanya reaksi atau rangsangan pembicara mengenai penilaian terhadap apa yang dipikirkan atau dirasakan. 6. Gereflektif : makna ini muncul dalam hal makna konseptual yang jamak, maka yang muncul akibat reaksi kita terhadap makna yang lain. misalnya yang berhubungan dengan seks, kepercayaan atau kebiasaan. 7. Idesional : makna yang muncul sebagai akibat penggunaan prop dan set yang mempunyai konsep. 8. Intensi : makna yang menekankan maksud pembicara 9. Kiasan : adalah pemakaian subjek dengan makna yang tidak sebenarnya 10. Kognitif : makna yang ditunjukkan oleh acuannya, objek atau gagasan dan dapat dijelaskan berdasarkan analisis komponen babak sehingga akhir persembahan. 11. Kolokasi : makna dengan penggunaan beberapa isu didalam babak yang sama. 12. Konotatif : makna ini muncul sebagai akibat asosiasi perasaan kita terhadap dialog yang kita hafalkan atau yang kita dengar semasa persembahan. 13. Kontekstual : makna ini muncul sebagai akibat hubungan antara ujaran dan situasi. 14. Leksikal : makna perkara ketika aksi tersebut berdiri sendiri, 15. Luas : makna ini menunjukkan bahwa makna yang terkandung pada sebuah babak, lebih luas dari yang kita perkirakan. 16. Piktorial : makna yang muncul akibat bayangan penonton terhadap perkara yang didengarnya.
---	---

permodelan.	<p>17. Pusat : makna yang dimiliki oleh setiap babak meskipun tidak berada dalam cerita sebenar.</p> <p>18. Referensial : makna yang langsung berhubungan dengan isu yang diutarakan.</p> <p>19. Tematis : makna ini di komunikasikan oleh penonton, baik melalui urutan cerita, fokus dialog.</p>
-------------	--

Setelah menganalisis persamaan teknik yang digunakan oleh TRE dan PPM Di bawah adalah persamaan dari aspek aplikasi teknik TRE dengan PPM :

Terapi Rasional Emotif	Site specific Theatre PPM
<p>Konselor TRE memberikan penghargaan positif tanpa syarat kepada klien atau yang disebutnya <i>unconditional self-acceptance</i> yaitu penerimaan diri tanpa syarat bukan dengan syarat (<i>conditioning regard</i>). Konselor melakukan perkara-perkara seperti di bawah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melakukan edukatif-direktif kepada klien iaitu dengan banyak memberikan cerita dan penjelasan terhadap masalah, khususnya pada tahap awal. 2. Menyelesaikan masalah klien secara langsung. 3. Memberi semangat dan memperbaiki masalah klien, kemudian membantu memperbaiki mereka agar dapat mendidik dirinya sendiri. 4. Berulang menekankan bahwa irrasional adalah perkara yang menyebabkan keadaan emosional pada klien. 5. Menyerukan klien menggunakan kemampuan rasional (<i>rasional power</i>) dari pada emosinya. 6. Menggunakan pendekatan didaktik dan filosofis 7. Menggunakan humor sebagai jalan berpikir secara irasional 8. Mengikuti Aktif-direktif dan Kognitif-eksperiensial dimana menghapuskan lapisan konselor dan klien agar lebih aktif membantu mengarahkan konseli dalam menghadapi dan memecahkan masalahnya. 9. Membuat cara Emotif-eksperiensial terhadap aspek emosi klien dengan 	<p>Pengarah PPM menggunakan konsep pengarahannya sebagai teknik menjadikan penonton sebagai klien atau pesakit. Babak dicipta secara komprehensif dan eklektik agar penonton dapat berpikir, menimbang, memutuskan dan melakukan aksi. Aksi dalam babak berbentuk konseling aktif-direktif iaitu proses pendidikan (<i>education</i>) dan pengajaran (<i>teaching</i>) isu politik dengan mempertahankan dimensi pikiran logik scenario sebenar di Malaysia daripada perasaan marah dan tidak puas hati. Babak didaktis, aktif, direktif, dengan situasi semasa persembahan. Penonton dirangsang berfikir dengan lebih rasional dan spontan serta beraksi dalam babak setiap babak.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat kebebasan pilihan kepada penonton, terhadap konflik mengikut babak. Justeru penonton sendiri akan menyambung cerita mengikut kehendak dan pandangan dirinya sendiri. Plot yang terjadi pada diri penonton adalah <i>ideological super structure</i>. Ia adalah hak pemikiran penonton. 2. Menghargai penonton dengan mencipta transit dari satu point ke satu point seperti pengangkutan bas ke lokasi persembahan. 3. Mengadakan tiket sebagai simbol isu kematian, contohnya kain yang dicop seperti kain kapan Jenny. 4. Mewujudkan watak pemandu dan konduktor bas yang berperanan sebagai petunjuk jalan dan pemberi keterangan tentang konsep persembahan. 5. Membuat sesi forum tentang isu

<p>mempelajari sumber-sumber gangguan emosional, sekaligus membongkar akar-akar keyakinan yang keliru yang mendasari gangguan tersebut.</p> <ol style="list-style-type: none"> 10. Behavioristik, yaitu mngembangkan dikembangkan kehendak klien dengan menyentuh dan mendorong terjadinya perubahan tingkah laku. 11. Menunjukkan pada klien bahwa dalam pikirannya sekarang ini terlalu banyak pikiran-pikiran yang irasional 12. Mendemonstrasikan bahwa klien mempertahankan gangguan emosi mereka aktif dengan meneruskan berpikir secara tidak logik. 13. Memodifikasi pemikiran dan mengabaikan gagasan irrasional klien agar tidak menyalahkan diri sendiri dan juga mengubah perilaku menyalahkan diri. 14. Membantu klien untuk mengembangkan filosofis hidup yang rasional sehingga di masa depan mereka mampu menghindari diri agar tidak menjadi korban keyakinan irasional yang lain. 15. Melakukan proses reedukatif di mana konseli belajar cara menerapkan pemikiran logis, latihan eksperimental dan pekerjaan rumah perilaku untuk memecahkan masalah dan perubahan emosi. 16. Membuat Proses terapeutik berpartisipasi aktif dimana klien akhirnya mengulas kemajuan mereka, membuat perancangan dan strategi mengatasi masalah. 	<p>pembunuhan Jenny di antara pelakon dan penonton di atas kubur Jenny pada babak terakhir. Watak-watak dalam babak akan dilakon semula bergantung atas permintaan penonton.</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Menjadikan penonton sebagai masyarakat dalam babak kedatangan rombongan Datuk Zuri melawat kampung pada pembukaan persembahan 7. Menjadikan pelakon sebagai manusia bermula dengan membuat konsep latihan seperti <i>brain storming</i>, <i>presentation</i>, aktiviti dalam kehidupan, improvisasi, jualan makanan secara langsung. 8. Menggunakan sistem keluarga dalam organisasi produksi semasa latihan seperti menggunakan panggilan dalam keluarga seperti along, angh uda dan sebagainya 9. Membuat improvisasi dan permainan teater dalam babak gossip di warung, pemberontakan orang kampung dan mencari pembunuh jenny. Penonton akan diberi dialog, gambar dan arahan secara spontan sebagai rangsangan. 10. Pelakon menjadi fasilitator, punca perbincangan atau halangan bagi babak yang sensitif dan tegang seperti masih dara, skandal dan terxxxx. 11. Membenarkan penonton membuat keputusan bersama setelah melalui babak forum tentang isu pembunuhan Jenny di akhir persembahan. Maka penghujung cerita tidak ditetapkan oleh pengarah tetapi penonton.
---	---

d. Kesimpulan

Dari persembahan PPM, penonton yang boleh digelar klien sebenarnya secara tidak langsung telah melalui TRE. Dapat dilihat, semasa persembahan minat kepada diri sendiri terhadap pandangan senario politik di Malaysia telah bertambah kerana penonton mendapat info ketika bersosial dengan masyarakat semasa persembahan. Penonton selepas persembahan tidak lagi berperasangka dan memendam pandangan negatif terhadap isu politik sehingga melakukan perkara yang emosional seperti demonstrasi jalanan. Secara langsung penonton dapat mengarahkan diri sendiri dan membuat keputusan berdasarkan pandangan dari dalam dirinya sendiri tanpa dipengaruhi oleh sesiapa samada semasa atau selepas persembahan. Terdapat juga tolak ansur dari penonton dalam kegiatan sosial yang tercermin dari permainan teater semasa persembahan yang menjadikan penonton lebih bersifat terbuka dalam

menutarakan isu politik seperti perempuan simpanan politikus di Malaysia. Bagi penonton yang keliru dengan isu politik di Malaysia sebelum persembahan, mereka akan lebih fleksibel samada menerima ketidakpastian atau mengubahnya dengan berpandukan info dalam babak yang ditontonnya. Di sini penonton bersifat individualistik kerana hanya fokus kepada dirinya sendiri untuk menyelesaikan pandangan dirinya daripada pengalaman sebelum terhadap isu seperti manipulasi duit dan hubungan terlarang dalam babak PPM. Terdapat juga ramai penonton yang berfikir secara ilmiah kerana mempertikaikan konflik dan isu yang dibincangkan semasa babak akhir persembahan (forum teater). Ini menunjukkan bahawa bagi penyelesaian permasalahan seara ilmiah adalah amat penting bagi masyarakat Malaysia. Keadaan ini juga membuktikan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia menerima bahawa masyarakat memerlukan sistem politik yang lebih berani untuk mengubah dari keadaan yang ada sekarang ini. Selepas persembahan PPM dan juga hasil TRE secara jelas masyarakat Malaysia rata-rata telah memiliki sikap berani mengambil risiko positif kerana memahami secara ilmiah maksud politik dalam masyarakat berbilang kaum. Dalam kata lain *neo-utopianism* (sosial dan politik baru yang ideal) telah wujud dalam setiap diri masyarakat Malaysia hari ini

Dengan hasil terapi penonton PPM, ini telah menunjukkan bahawa banyak jalan yang digunakan dalam TRE telah disarankan kepada satu tujuan utama iaitu penonton atau masyarakat akan menjadi lebih rasional. Tujuan lain yang lebih baik adalah menunjukkan kepada klien bahwa verbalisasi-verbalisasi dan tindakan-tindakan dari diri mereka semasa dan selepas persembahan PPM telah dan masih merupakan sumber utama dari gangguan gangguan emosional yang dialami. TRE asalnya hanya mendorong suatu reevaluasi filosofis dan idiologi berlandaskan masalah-masalah manusia yang hanya filosofis. Tetapi gabungan TRE dan PPM telah menjadikan ia bukanlah semata-mata kepada penghapusan gejala yang terdapat dalam Masyarakat sebenar. Ia hanyalah untuk mendorong klien agar menguji secara kritis nilai-nilai dirinya yang paling dasar dalam keluarga, masyarakat dan negara. Persembahan PPM mengutarakan konflik politik yang negatif bukan sebagai provokasi. Dengan menggunakan gabungan pelbagai konsep dalam kategori konsep utama *site specific theatre* ia membuat kesan *reverse psychology* iaitu isu negatif dengan impak positif. Boleh dilihat bahawa konsep ini amat berguna bagi individu, keluarga dan masyarakat yang mengalami permasalahan politik. Dan boleh digunapakai terhadap golongan tertentu dengan permasalahan tertentu yang lain. Akhirnya jelas menunjukkan konsep *Site spesific theatre* setelah bergabung dengan konsep Terapi Rasional Emotif menjadikan sebuah teater terapi intelektual yang bukan untuk orang tertindas tetapi kearah manusia yang berfikiran aras tinggi

BIBLIOGRAFI

Utopian Thinking in Sociology, compiled and edited by Arthur B. Shostak. Routledge, London, 2015.

The Utopia Reader, edited by Gregory Claeys and Lyman Tower Sargent. New York University Press. 1999. 421 pages. Paperback. A masterful compilation of seminal utopian writings from thinkers as diverse as Ovid, Plato, More, Swift, Marx, Wells, Huxley, Skinner.

The History of Utopian Thought by Joyce Oramel Hertzler. University Press of the Pacific. 2000. A scholarly examination of the historical development of social utopias and utopian thinking.

Reason and Emotion in Psychotherapy. Albert Ellis, NY: Lyle Stuart, 1962

Handbook of Rational-Emotive Therapy, with Russell Greiger & contributors. NY: Springer Publishing, 1977

Rational Emotive Behavior Therapy: A Therapist's Guide (2nd Edition), with Catharine MacLaren. Impact Publishers, 2005.

The Practice of Rational Emotive Behavior Therapy Second Edition Albert Ellis PhD, Windy Dryden PhD, Springer Publishing Company Inc, 1997.

Performing Site-Specific Theatre: Politics, Place, Practice (Performance Interventions) palgrave macmillan, 2012 by A. Birch (Editor), J. Tompkins (Editor)

Site-Specific Performance by Mike Pearson, Palgrave Macmillan. 2010

Environmental and Site Specific Theatre: Critical Perspectives on Canadian Theatre in English Vol. VIII by Andrew Houston (Editor), playwrights Canada Press, 2007.

Site-Specific Art: Performance, Place and Documentation by Nick Kaye. Routledge. 2000.

Rational Emotive Behavior Therapy: It Works For Me—It Can Work For You. Prometheus Books, 2004